

# PM terima kunjungan hormat Ketua Perwakilan Diplomatik Malaysia

**Kuala Lumpur:** Datuk Seri Anwar Ibrahim menerima kunjungan hormat daripada 16 Ketua Perwakilan Diplomatik Malaysia ke luar negara, yang akan memulakan tugas di negara penempatan masing-masing, semalam.

Perdana Menteri berkata, dalam pertemuan dengan perwakilan negara itu, beliau sempat bertukar-tukar pandangan mengenai dasar dan hala tuju kerajaan terhadap hubungan dua hala Malaysia dengan negara yang berkenaan.

“Saya juga berkongsi aspirasi dan perspektif berkenaan isu domestik yang menjadi keutamaan kerajaan buat masa irii, terutamanya setelah Belanjawan 2024 Malaysia Madani dibentangkan pada 13 Oktober,”



Anwar menerima kunjungan hormat daripada 16 Ketua Perwakilan Diplomatik Malaysia ke luar negara, yang akan memulakan tugas di negara penempatan masing-masing, semalam. (Foto FB Anwar Ibrahim)

katanya menerusi perkongsian di media sosial.

Beliau juga turut mengucapkan tahniah dan penghargaan

serta menitipkan nasihat kepada semua Ketua Perwakilan Diplomatik berkenaan.

“Sekalung penghargaan di-

ucapkan dan selamat maju jaya kepada semua yang dilantik, moga dapat menggalas amanah diberikan dalam mengangkat

imej, reputasi dan martabat negara ke peringkat lebih tinggi di persada antarabangsa, In-sya-Allah,” katanya.